



SIARAN MEDIA

PERBADANAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM (SWCorp)

243 PROSPEK PENJARA DIANUGERAHKAN SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA BIDANG PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM

BANGI, 2 Oktober 2025 – Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) meraikan graduan pada Majlis Konvokesyen Kali Keempat (Sijil Kemahiran Malaysia) yang berlangsung di Bangi Avenue Convention Center (BACC) hari ini. Majlis ini menandakan kejayaan SWCorp dalam melaksanakan program pensijilan kemahiran yang menyokong pembangunan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam sektor pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Majlis telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Seramai 243 prospek penjara menerima Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang Operasi Manual Pembersihan Awam setelah menamatkan latihan selama lapan bulan bermula Ogos 2024 hingga April 2025 di 18 Pusat Vokasional Industri Penjara seluruh Semenanjung Malaysia. Selain itu, 5 warga kerja SWCorp turut dianugerahkan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang Setiausaha Korporat Eksekutif melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).

Pelaksanaan program pensijilan ini adalah selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai 35% tenaga kerja mahir menjelang 2030 seiring dengan Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMK13) dan Dasar Kebersihan Negara 2020–2030. Inisiatif ini juga melengkapi pelaksanaan Reformasi Pembersihan Awam (RePA) yang menekankan penggunaan jentera berteknologi tinggi, perkhidmatan pembersihan waktu malam, mekanisasi moden serta penggunaan kenderaan elektrik (EV) dalam operasi pembersihan. Program pensijilan juga relevan dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi seiring perkembangan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), *Internet of Things* (IoT), Big Data dan robotik.

Bagi prospek daripada Jabatan Penjara Malaysia, program pensijilan ini dilaksanakan melalui Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) secara berinsentif di mana peserta bukan sahaja berpeluang memperoleh ilmu dan kemahiran dalam bidang pengurusan sisa pepejal serta pembersihan awam, malah turut menerima elaun berjumlah RM500.00 sebulan. Program Sinar di Sebalik Tirai Besi ini merupakan kerjasama strategik antara SWCorp, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Jabatan Penjara Malaysia yang dirancang khusus bagi memberi peluang kedua kepada penghuni penjara untuk membina masa depan yang lebih baik selepas tempoh tahanan.

SWCorp juga memastikan keberkesanan latihan dengan melibatkan Pegawai SWCorp sebagai tenaga pengajar yang telah ditauliahkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) selepas mengikuti latihan dan peperiksaan yang ditetapkan. Setiap tenaga pengajar bertanggungjawab melaksanakan sekurang-kurangnya 28 jam pengajaran sebulan dengan sokongan pegawai penjara yang bertindak sebagai jurulatih penyelia sepanjang latihan praktikal.

SWCorp berharap agar kerjasama ini dapat terus diperkasa dan diperluas kepada pelaksanaan program latihan lain seperti kemahiran kraftangan, pensijilan pengurusan tapak pelupusan sanitari serta pensijilan dalam sektor pembinaan, komersial, perindustrian dan keinstitusian. Usaha ini diyakini mampu memperluas bidang kemahiran yang diperoleh sekali gus menyediakan prospek penjara dengan kepelbagaian kemahiran yang bernilai sebagai persediaan kembali ke pangkuan masyarakat.

TAMAT

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Korporat

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Bertarikh : 2 Oktober 2025

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh hubungi:

Sumatra a/p Appavoo

Pengarah

Bahagian Korporat

Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

e-mel: sumatra@swcorp.my